

08/11/2001

Ruhanie umpama kacang lupakan kulit

Penulis Khas

SAMA ada sengaja mencari publisiti disebabkan namanya semakin dilupai di arena politik atau tekanan kemelut peribadi, Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Ruhanie Ahmad, tiba-tiba bangkit 'menyerang' wartawan New Straits Times (NST) dan wartawan kanannya - daripada pengarang berita, ketua pengarang berita hinggalah kepada Ketua Pengarang Kumpulan NSTP, Tan Sri Abdullah Ahmad.

Entah apa yang merasuknya berikutan pendedahan NST mengenai kehadiran yang tidak memuaskan di kalangan Ahli Parlimen ketika sesi semasa Dewan Rakyat bersidang, beliau terdorong menuduh akhbar itu menjadi alat parti pembangkang dan wadah DAP untuk 'melanyak' Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN).

Malah, pada majlis pertemuan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dengan Kelab Penyokong Kerajaan (Backbencher), Ruhanie terus melemparkan kemarahannya kepada wartawan NST, Ainon Mohd, dengan menuduh wartawan tidak pernah melaporkan apa yang mereka lakukan dan hanya melaporkan berita buruk.

Persoalannya, mengapa laporan mengenai Bung Radin Mokhtar (BN-Kinabatangan) yang menyebut perkataan lucah dalam Dewan Rakyat membangkitkan kemarahan Ruhanie sedangkan beliau bukan lagi Pengerusi Backbencher?

Atau beliau kini ketagih publisiti dan mahu berita mengenainya diketahui umum sepanjang persidangan itu, sekali gus memperkecilkan kewibawaan wartawan yang membuat liputan persidangan Dewan Rakyat.

Wajarkah Ruhanie, bekas Pengerusi Backbencher yang ditemu bual majalah Dewan Budaya untuk keluaran Februari 1996 dengan gambarnya terpampang sebagai cover majalah itu, selain tertulis 'Wakil Rakyat Abad ke-21' menuduh wartawan yang membuat liputan persidangan Dewan Rakyat gagal menunaikan tanggungjawab mereka dengan profesional?

Malah, beliau yang secara sendiri mengangkat dirinya layak menilai kerja pemberita yang membuat liputan persidangan Dewan Rakyat hanya kerana pernah menjadi wartawan NST dan Berita Harian serta mendakwa sudah melakukan tugas itu dengan profesional, juga dengan angkuhnya sedia bersemuka dengan sesiapa saja dalam NST, termasuk Ketua Pengarang Kumpulan NSTP.

Ibarat 'siapa makan cili dia berasa pedasnya', Ruhanie melenting tidak keruan hanya kerana laporan NST yang secara umum menyentuh mengenai kehadiran Ahli Parlimen di Dewan Rakyat walaupun laporan itu tidak langsung menyentuh mana-mana Ahli Parlimen BN.

Sebagai pemimpin yang memiliki Diploma Kewartawanan daripada Harlow Technical College, Essex, England melalui tajaan NST, pernah menjadi setiausaha akhbar dan setiausaha politik, selain pernah menerajui syarikat milik kerajaan, beliau seharusnya dilihat sudah matang dalam menangani pelbagai isu, apatah lagi perkara yang disentuh akhbar membabitkan kepentingan semua pihak dan bukannya menjurus kepada serangan peribadi.

Malah, pendedahan NST mengenai kehadiran wakil rakyat diterima baik oleh pemimpin pembangkang, antaranya wakil DAP Kota Melaka, Kerk Kim Hock, yang memberikan alasan komitmen di luar, termasuk parti dan kawasan yang diwakilinya menyebabkan kehadiran wakil rakyat pada sesi persidangan agak 'buruk'.

Mungkin Ruhanie melihat gambaran umum mengenai kedatangan wakil rakyat yang didedahkan NST sudah cukup menggambarkan 'Ahli Parlimen BN kerap

ponteng'.

Namun, Ruhanie terlupa bahawa kehadiran wakil rakyat pada sesi persidangan sebenarnya amat penting. Sekurang-kurangnya bekas Ahli Parlimen Bukit Bintang, Datuk Lee Lam Thye, sedia mengingatkan beliau melalui ruangan surat pembaca dalam NST, Selasa lalu bahawa Ahli Parlimen dipilih rakyat dan mereka mempunyai tanggungjawab menyampaikan harapan, ketakutan dan aspirasi mereka.

Sambil menghargai langkah NST itu kerana dapat menyedarkan Ahli Parlimen BN dan pembangkang supaya mengambil serius tanggungjawab itu, beliau berkata, sebagai pembuat undang-undang, mereka perlu memainkan tugas aktif dalam sesi perbahasan mengenai sesuatu undang-undang yang dikemukakan kepada dewan berkenaan.

Oleh itu, katanya, walaupun ada komitmen penting di luar, seperti memenuhi tanggungjawab di kawasan masing-masing, namun itu tidak bermakna mereka tidak boleh membahagikan waktu untuk menghadiri persidangan Dewan Rakyat.

Jika diikuti satu persatu surat pembaca dalam NST setiap hari, ia jelas memaparkan kemarahan pembaca terhadap penghinaan yang dibuat oleh Ruhanie terhadap wartawan yang membuat liputan persidangan Dewan Rakyat.

Selain menyelar Ruhanie sebagai sombong, ada pembaca yang mahukan beliau tidak bercakap ketika marah dan jangan hanya pandai berkata-kata ketika berjanji dengan rakyat.

Malah, menurut surat Balbeer Singh Jessy, jika beliau gagal dalam tugasnya dan lebih suka menyentuh laporan NST mengenai kehadiran wakil rakyat dalam persidangan Dewan Rakyat, lebih baik mengosongkan kerusinya dan kembali ke arena kewartawanan untuk memperbaiki mutu laporan Dewan Rakyat yang disifatkan beliau sebagai 'sudah menurun'.

Walau apapun alasan Ruhanie, hakikatnya rakyat menyambut baik usaha NST mendedahkan kehadiran setiap hari wakil rakyat ke Dewan Rakyat kerana ia sememangnya tugas mereka sebagai wakil untuk rakyat.

Paling menghairankan, usaha NST itu sudah dilakukan sejak beberapa tahun lalu dan mengapa pula Ruhanie memperbesar-besarkan soal itu ketika ini. Hanya Ruhanie yang boleh menjawabnya dan sudah tentu beliau ada sebab tersendiri untuk 'menyerang' wartawan NST.

Bagi mana-mana akhbar, penyiaran sesuatu maklumat itu hanyalah demi kepentingan umum dan tiada agenda peribadi. Seharusnya, Ruhanie yang sudah tiga penggal menjadi wakil rakyat memahami perkara ini, lebih-lebih lagi membabitkan akhbar perdana yang selama ini dicop menyokong kerajaan.

Pendedahan kehadiran wakil rakyat bukan bertujuan memperkecil-kecilkan mereka sebagai penggubal undang-undang, namun kehadiran pada sesi persidangan begitu penting kerana ia adalah amanah yang diberikan oleh pengundi masing-masing, selain menjadi perkara teras untuk memastikan Ahli Parlimen BN menguasai dewan bagi memastikan kelancaran perbahasan atau penggulungan yang dibuat oleh wakil kerajaan.

NST mula menyiarkan laporan mengenai kedatangan Ahli Parlimen ke Dewan Rakyat selepas mendapat laporan ada wakil rakyat yang suka 'ponteng', sama ada tidak hadir terus atau menghabiskan masa di VIP lounge dan kantin.

Kita akui sememangnya perbahasan kadang-kadang mengambil masa panjang, lebih-lebih lagi wakil rakyat yang syok sendiri selain topik yang dibahaskan membosankan. Namun, ia bukan alasan untuk tidak masuk menyertai sesi perbahasan.

Urusan di Dewan Rakyat adalah perkara penting dan selama ini pun ramai Ahli Parlimen menunaikannya dengan penuh tanggungjawab. Bagaimanapun, ada kalanya persidangan yang membincangkan soal serius bertukar menjadi gelanggang sarkas, gara-gara ada wakil rakyat yang bersikap tidak matang, tidak profesional dan terlalu emosional dalam membahaskan sesuatu isu semasa.

Mereka terbabit yang boleh dikatakan tidak menyumbang kepada kebaikan tetap diberikan liputan sewajarnya. Inilah ketelusan akhbar dalam memberikan maklumat untuk pengetahuan pembaca dan semua ini dilakukan akhbar tanpa berniat jahat.

Sayangnya, pengalaman Ruhanie bekerja dengan syarikat akhbar tidak dipraktikkan dalam amalan kehidupan harian. Telan walaupun pahit, nampaknya bukan menjadi budaya hidup beliau, sebaliknya menuduh akhbar NST sebagai alat pembangkang.

Beliau tahu akhbar akan melaporkan kebenaran, namun beliau yang sudah berpengalaman dalam bidang ini menafikannya hanya kerana laporan itu tidak menyenangkan hatinya.

Gelagat Ruhanie yang menuduh NST sebagai alat pembangkang dan meneruskannya sehari kemudian pada majlis yang dihadiri Timbalan Perdana Menteri seolah-olah menggambarkan itulah budaya Ahli Parlimen BN.

Namun, kenapa di hadapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, lain pula ceritanya? Biarlah Ruhanie menyelesaikannya sendiri dengan kepemimpinan jabatan pengarang NST.

Tuduhan beliau kononnya wartawan NST bekerja untuk pembangkang benar-benar mengejutkan. Parti pembangkang tidak memerlukan wartawan untuk melakukannya kerana Ruhanie sudah melakukannya dengan begitu berjaya.

(END)